



JULAI 2017

CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Sabtu, 08 Julai 2017


Sebagai manifestasi pengekalaman amalan kunjung mengunjung diantara komuniti sempena Hari Raya Aidil Fitri. KKBS telah memperluaskan skop jemputan kepada organisasi Kebudayaan, Kebelaaan, Kesukanan dan Kemasyarakatan. Hampir 400 orang hadir di sambutan hari raya KKBS yang berlangsung di Stadium Tertutup Berakas dan hadir sebagai tetamu kehormat ialah YB Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir ialah Setiausaha Setiausaha Tetap KKBS, ketua-ketua Jabatan dan warga KKBS. Hari Raya adalah masa yang sesuai untuk memperkukuhkan tali kekeluargaan dan mengeratkan silaturahim antara warga KKBS dengan masyarakat yang giat aktif dalam lapangan Kebudayaan, Kebelaaan, Kesukanan dan Kemasyarakatan.



Isnin, 10 Julai 2017 - Warga emas terus diambil perhatian oleh semua pihak dan untuk itu sebuah Pusat Kegiatan Warga Emas telah dibina dan perasmianya telah sempurnakan oleh YB Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pembinaan PKWE adalah sumbangan Pengarah Urusan Syarikat Goh Hock Kee Motors Sdn Bhd, Yang Dimulikan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin. Pusat tersebut dibina untuk memberikan peluang kepada warga emas untuk bergiat aktif, bertukar-tukar fikiran, mengadakan program-program seperti latihan fizikal, membuat kraf tangan, berzikir, beriadah dan sebagainya. Dengan adanya PKWE daerah Tutong itu akan menjadi satu mekanisme bagi warga emas terus aktif menyumbang khidmat bakti kepada bangsa dan negara.



Selasa, 11 Julai 2017 - Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima kunjungan perpisahan Puan Yang Terutama Marina B Laker Pesuruhjaya Tinggi Canada.



Rabu, 12 Julai 2017 - Sambutan hari raya bersama Penghuni Kompleks Rumah Kebajikan, Belimbing dan golongan Orang Kelainan Upaya [OKU] daripada Pusat Bahagia JAPEM bersama keluarga bermatlamatkan memberi peluang kepada ahli keluarga mengukuhkan tali silaturahim disamping memberikan penghargaan kepada penyumbang derma bagi kesejahteraan penghuni KRK dan pelatih OKU. Sambutan bertempat di Stadium Tertutup SNHB, Berakas.



Sabtu, 22 Julai 2017

Acara pentas malam Asean "We Are One" menyemarakkan ulang tahun ke 71 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Daerah Muara Brunei terus menarik pengunjung. Malam yang mempamerkan warisan kebudayaan yang kaya dengan pelbagai kebudayaan negara-negara anggota ASEAN telah diadakan di Pentas Perayaan kawasan terbuka di hadapan Bangunan Royal Regalia. Persembahan dimulakan dengan nyanyian ASEAN, diikuti dengan lagu-lagu dan tarian setiap negara anggota ASEAN. Pentas malam berkenaan dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kedutaan negara ASEAN di negara ini. Ia memperlihatkan perpaduan dan hubungan yang harmoni dengan misi diplomatik dengan penduduk setempat.



Isnin, 24 Julai 2017

Program Peningkatan Personel KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya adalah rancangan jangka panjang dalam memberigakan peranan dan tanggungjawab Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi meningkatkan pengetahuan, memantapkan serta melengkapkan setiap pegawai dan kakitangan dengan pengetahuan asas perkhidmatan awam. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Awg Haji Noor Jusmin bin Hj Abd Samad, Setiausaha Tetap KKBS.



Selasa, 25 Julai 2017

YB Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan melancarkan Filem RINA2 bertempat di Times Cineplex, Berakas. Filem RINA2 merupakan kerjasama antara Regalblue Production dengan Lao ART Media Co. Ltd. Dengan Penerbitan Filem RINA2 diharap akan dapat memperkenalkan Negara Brunei Darussalam dan Negara Lao kepada dunia.




Khamis, 27 Julai 2017

Expo BIMP-EAGA Kebudayaan dan Makanan dalam pelancongan berlangsung di Airpot Mall disertai oleh negara-negara ahli kawasan Pertubuhan ASEAN Timur-Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina. Expo berkenaan bertujuan untuk mempromosikan makanan tradisi dan pelancongan makanan dalam kalangan negara-negara BIMP-EAGA disamping menambah pengetahuan dan pengalaman mengenai pelbagai jenis makanan dan khasiatnya serta gaya hidup sehat juga mempromosikan kebudayaan negara BIMP-EAGA. Hadir merasmikan expo ialah YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang juga melancarkan dua buah buku bertajuk 'Fruits and Flowers in Cooking'. Disamping pameran dan jualan produk juga diadakan pesembahan tarian tradisi dan tunjuk cara memasak oleh chef selebriti dari Malaysia.



Jumaat, 28 Julai 2017

Tabuan A telah berjaya mengekalkan kejuaraan mereka dalam Pertandingan Bolasepak Persatuan Bolasepak Kebangsaan Brunei Darussalam [NFABD] Tropi Belia Elite di bawah 16 tahun yang berlangsung di Kompleks Sukan Kebangsaan Hassanal Bolkia. Majlis penyampaian hadiah disampaikan oleh YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di majlis penutupan acara berkenaan.



Sabtu, 29 Julai 2017

Program Ramah Mesra bersama penerima Anugerah Belia Cemerlang adalah untuk berinteraksi dan memberikan sijil pengiktirafan pencalonan mereka sebagai *nominees* anugerah. Mereka merupakan rakan belia yang akan membantu KKBS dalam membangun dan membina belia yang lain untuk lebih maju dalam bidang yang mereka mempunyai kompetensi. Program berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkia dan hadir ialah YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



31 Julai 2017

1 Ogos merupakan Hari Belia Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Pada tahun ini Hari Belia Kebangsaan disambut pada hari Selasa, 01 Ogos, 2017 bertempat di Dewan Persidangan Antarabangsa, Berakas. Hari Belia Kebangsaan adalah bagi memartabatkan pergerakan belia dengan memperingati dan mengumpulkan belia-belia di negara ini dalam satu perhimpunan dengan kegiatan yang bermakna.

Bersempena dengan sambutan tersebut, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Solat Fardhu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaasin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran bertempat di bertempat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut bertujuan untuk memohon agar sambutan Hari Belia Kebangsaan 2017 mendapat keredhaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala.

Hadir di majlis berkenaan ialah YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Brunei.



Isnin, 31 Julai 2017

YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima kunjungan daripada penerima-penerima Anugerah Belia Cemerlang bertempat di Pejabat YB Menteri KKBS.



Sesungguhnya Islam itu adalah
suatu kenikmatan dunia yang
sudah cukup untukku,
Sesungguhnya taat itu suatu
kesibukan yang sudah cukup
untukmu dan sesungguhnya ma-
ti adalah suatu peringatan yang
sudah cukup untukmu

Saidiana Ali